



TEKS UCAPAN

**ENCIK NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KONVENSYEN DAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIKHB) PERINGKAT
POLITEKNIK MERLIMAU 2025**

**15 OKTOBER 2025
TECC UPIM PMM**

ANJURAN:

UPIK

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Yang Berusaha Puan Faridatuljana binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik), Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Politeknik Merlimau Melaka

Yang Berusaha Dr. Aspalilla binti Main,

Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi

Ketua-ketua Jabatan, Barisan ahli jawatankuasa penganjur program KIKHB 2025, Para peserta konvensyen, Para Pensyarah dan Kakitangan Politeknik Merlimau Melaka

Serta seluruh warga Politeknik Merlimau yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya yang tidak terhingga. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda serta para sahabat baginda yang mulia.
2. Dengan izin-Nya, kita kita dapat berhimpun dalam Konvensyen dan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) Peringkat Politeknik Merlimau Tahun 2025 pada hari ini.
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIKHB) PMM, di bawah penyelarasan Unit Penyelidikan dan Inovasi, atas usaha murni menganjurkan program ini yang menjadi platform penting untuk memupuk budaya inovasi, kreativiti dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga politeknik..

KEPENTINGAN DAN MATLAMAT KIKHB

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Program seperti ini amat signifikan kerana ia bukan sekadar pertandingan, tetapi merupakan satu mekanisme pengurusan yang mengiktiraf warga kerja sebagai aset utama organisasi.
5. Melalui KIKHB, staf bukan hanya menjadi pelaksana, tetapi turut berperanan sebagai pemikir dan penyelesaian masalah di tempat kerja.
6. Pendekatan kaizen atau penambahbaikan berterusan yang diamalkan dalam KIKHB selaras dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan inovasi dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.
7. Saya amat berbangga kerana warga PMM terus menunjukkan komitmen tinggi dalam merealisasikan aspirasi ini.

HARAPAN DAN IMPAK PROGRAM

Tuan-tuan dan Puan-puan

8. Saya percaya, melalui konvensyen ini, banyak idea baharu dan penyelesaian kreatif telah diketengahkan oleh kumpulan-kumpulan yang mengambil bahagian.
9. Projek-projek inovatif yang dihasilkan bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah operasi dan pentadbiran, malah berpotensi meningkatkan produktiviti, menjimatkan kos dan masa, serta memperkukuh kualiti perkhidmatan politeknik.
10. Selain itu, KIKHB turut menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman, sekali gus memperkukuh jaringan kerjasama antara jabatan dan unit di PMM.
11. Saya juga berharap agar kumpulan yang berjaya hari ini tidak berhenti di sini, sebaliknya terus mara ke peringkat zon dan kebangsaan, membawa nama Politeknik Merlimau sebagai institusi TVET yang progresif, kreatif dan berdaya saing.

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua peserta, sama ada menang atau tidak, kerana keberanian dan semangat inovatif anda merupakan kemenangan sebenar.
13. Terima kasih juga kepada jawatankuasa penganjur serta seluruh urusetia atas kejayaan menjayakan program ini dengan penuh komitmen.
14. Semoga program KIKHB ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan kita dalam membangunkan budaya kerja berkualiti, inovatif, dan berintegriti tinggi di Politeknik Merlimau.
15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis penutupan Konvensyen dan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB) Peringkat Politeknik Merlimau 2025.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[TAMAT]